

Kenangan enam hari di Beijing

kenal dengan pensyarah serta pelajar di Fakulti Pengajian Bahasa Melayu BFSU.

Khidmat masyarakat

Selain itu, anggota rombongan berkenaan menjalani pelbagai aktiviti menarik, termasuk khidmat masyarakat seperti bergotong-royong, mengindahkan masjid dan menyampaikan sumbangan wang kepada Masjid Nan Dou Ya, Masjid Niu Jie serta Pusat Pengajian al-Quran Tong Zhe Mei Wai.

Pelajar terbabit juga melawat beberapa tempat lain seperti pusat perubatan, Kedai Sutera Yin Peng, kedai barang kemas mutiara dan Tembok Besar China di mana mereka mengambil inisiatif mengedarkan risalah mengenai USIM serta mengadakan per-tunjukan qasidah.



FAKTA NOMBOR

17
pelajar

USIM bersama-sama pegawai pengiring mengadakan lawatan ke Beijing, China

Pelajar USIM yang menyertai program GISO ke Beijing bergambar kenangan di Tembok Besar China.

Kuala Lumpur: Berbekalkan matlamat untuk mengenali tamadun dan budaya masyarakat China serta mengeratkan hubungan dengan universiti di negara itu, seramai 17 pelajar Universiti Sains Islam Malay-

sia (USIM) bersama-sama tiga pegawai pengiring mengadakan lawatan selama enam hari ke Beijing, baru-baru ini.

Menerusi program Global Islamic Students Outreach (GISO) itu, pelajar terbabit yang juga

ahli Kelab Nadi Tha'qofah, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) USIM, tidak ketinggalan mengunjungi Beijing Foreign Studies University (BFSU).

Mereka berkesempatan mengikuti sesi perkongsian ilmiah dan suai



Peserta menayakan aktiviti gotong-royong di kawasan masjid di Beijing.



Ahli rombongan mengambil kesempatan beramah mesra dan berkenalan dengan penduduk Beijing.